



TAHNIAH
MAJLIS KONVOKESYEN

KE 21 Tahun 2024

POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
DUNGUN, TERENGGANU

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

PERATURAN DAN SYARAT
MENGHADIRI MAJLIS
KONVOKESYEN

PADA :

3 – 5 SEPTEMBER 2024

(SELASA, RABU, KHAMIS)

PERATURAN DAN SYARAT BAGI PARA GRADUAN MENGHADIRI SERTA MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN KE-21 PSMZA, 2024

1.0 RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN

- 1.1 Raptai Konvokesyen akan diadakan di **Dewan Dagang Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu** seperti ketetapan berikut:

SIDANG 1 : SEMUA GRADUAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Tarikh : 2 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)
Masa : 9.00 pagi
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

**SIDANG 2 : a) SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
b) SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

Tarikh : 3 SEPTEMBER 2024 (SELASA)
Masa : 2.00 petang
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

SIDANG 3 : SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Tarikh : 4 SEPTEMBER 2024 (RABU)
Masa : 2.00 petang
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

- 1.2 Semua Graduan yang akan menyertai konvokesyen ini adalah **diwajibkan menghadiri raptai**.
1.3 Pakaian raptai hendaklah kemas dan sesuai dengan Majlis. **GRADUAN DILARANG** memakai seluar jeans, selipar dan kemeja "T" semasa raptai.

2.0 MAJLIS KONVOKESYEN

- 2.1 **Majlis Konvokesyen** akan diadakan sepertimana berikut:

SIDANG 1 : SEMUA GRADUAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Tarikh : 3 SEPTEMBER 2024 (SELASA)
Masa : 7.30 pagi
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

**SIDANG 2 : a) SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
b) SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

Tarikh : 4 SEPTEMBER 2024 (RABU)
Masa : 7.30 pagi
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

SIDANG 3 : SEMUA GRADUAN JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Tarikh : 5 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)
Masa : 7.30 pagi
Tempat Pendaftaran : Dewan Kuliah Utama (DKU)

- 2.2 Semua graduan adalah dikehendaki mendaftar diri di **Kaunter Pendaftaran, Dewan Kuliah Utama (DKU)** jam **7.30 pagi**.
2.3 Graduan yang lewat dari tempoh masa pendaftaran yang telah ditetapkan di atas **tidak dibenarkan** menyertai Majlis Konvokesyen.
2.4 Semasa Majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati Majlis dengan tidak membuat bising dan dilarang meninggalkan dewan.

3.0 BAYARAN PENGURUSAN AKTIVITI, FOLDER & CENDERAHATI ALUMNI PSMZA

3.1 Bayaran yang perlu dibayar oleh graduan yang **HADIR** adalah **RM 300.00**;

Bil	Nama Bank & No Akaun	Nama Akaun	Jumlah (RM)	Perincian Bayaran
1	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA (BANK RAKYAT) 11-0180600-9	KOPERASI POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN DUNGUN BERHAD	250.00	Pengurusan Aktiviti/Folder/ Sewa Jubah/Fotografi Individu
2	MAYBANK 563091030879	PERSATUAN ALUMNI POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN	50.00	Yuran seumur hidup Alumni PSMZA

3.2 Bayaran yang perlu dibayar oleh graduan yang **TIDAK HADIR** adalah **RM 170.00**;

Bil	Nama Bank & No Akaun	Nama Akaun	Jumlah (RM)	Perincian Bayaran
1	BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA (BANK RAKYAT) 11-0180600-9	KOPERASI POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN DUNGUN BERHAD	120.00	Pengurusan Aktiviti/Folder/Bayaran Pos Laju
2	MAYBANK 563091030879	PERSATUAN ALUMNI POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN	50.00	Yuran seumur hidup Alumni PSMZA

3.3 Graduan yang **TIDAK HADIR** perlu mengisi borang di (<https://tinyurl.com/SkrolKonvo2024>) dalam sistem E-Konvo.

3.4 Pembayaran boleh dibuat di kaunter bank yang berkenaan atau pindahan atas talian (*online transfer*). Bayaran melalui mesin **CDM dan ATM tidak diterima**. Sila tulis Kenyataan/Penulisan pada ruangan **Rujukan 1: No. Pendaftaran Graduan**; **Rujukan 2: No. Kad Pengenalan Graduan**. Kegagalan graduan menulis kenyataan yang betul/tepat boleh menyebabkan data pembayaran yang dibuat tidak dapat dikemaskini/dikenalpasti.

3.5 Slip bayaran/Bukti pembayaran hendaklah **dibawa semasa pendaftaran**. Bagi graduan yang tidak hadir konvokeysen, slip bayaran/bukti pembayaran ini hendaklah disimpan sehingga *Scroll/Sijil Diploma* diterima/dituntut.

3.6 Sekiranya ada masalah berkaitan dengan Pembayaran, sistem/data, email terus kepada ***kamal@psmza.edu.my*** atau ***wassap ke 0199850643 atau hubungi 098400985/873*** sebelum Majlis Konvokesyen. Tarikh akhir pembayaran adalah pada hari **Khamis 29 Ogos 2024**.

4.0 IBU BAPA/TETAMU

4.1 Majlis Konvokesyen kali ke-21 ini menjemput dan membenarkan ibu/bapa/penjaga (**2 orang sahaja**) masuk ke dalam dewan.

4.2 Kad jemputan kepada ibu/bapa/penjaga (**2 orang sahaja**) akan diedarkan di Pusat Sumber semasa pengambilan Jubah oleh pelajar.

4.3 Walau bagaimanapun tempat duduk berhampiran dewan dan tayangan secara langsung disediakan.

4.4 Pakaian dan rupadiri ibu/bapa/penjaga hendaklah sopan, kemas, formal dan sesuai dengan Majlis. Ibu/bapa/penjaga **dilarang memakai seluar jeans, selipar dan T-Shirt, skirt pendek dan blouse tanpa lengan**.

4.5 Kanak-kanak dibawah 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan.

4.6 Ibu bapa dilarang membawa masuk sebarang makanan dan minuman.

4.7 Penggunaan telefon bimbit adalah dilarang dan mestilah berada dalam mod **senyap**.

4.8 Ibu bapa dilarang meninggalkan dewan sehingga Majlis tamat.

4.9 Jambangan bunga hidup tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam Dewan.

5.0 TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 5.1 Graduan dan ibu bapa/tetamu hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kereta yang akan disediakan oleh pihak Pengurusan PSMZA.
- 5.2 **Sila patuhi** arahan/tunjuk arah yang diberikan oleh pihak petugas lalulintas Majlis Konvoquesyen PSMZA.
- 5.3 Pelekat kenderaan dan pas masuk dewan akan diedarkan semasa pengambilan jubah.

6.0 PAKAIAN KONVOQUESYEN

- 6.1 Semua graduan akan diberikan Jubah Konvoquesyen bersama *Mortar Board* semasa pendaftaran raptai.
- 6.2 **Pakaian Graduan Lelaki Melayu**
 - 6.2.1 Graduan lelaki (Melayu) dimestikan memakai pakaian kebangsaan berwarna hitam (berbutang lengkap dan bersampin), berkasut dan stokin warna hitam, tanpa songkok.
- 6.3 **Pakaian Graduan Lelaki Bukan Melayu**
 - 6.3.1 Graduan lelaki bukan melayu digalakkan memakai pakaian kebangsaan (berbutang lengkap dan bersampin) atau berkemeja lengan panjang warna putih, bertali leher dan juga berseluar panjang warna gelap, berkasut serta stoking berwarna hitam.
 - 6.3.2 Graduan yang beragama Sikh dibenarkan memakai "turban". Hanya turban warna hitam sahaja dibenarkan.
 - 6.3.3 Graduan tidak dibenarkan memakai tali bow (Bow Tie).
- 6.4 Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas, serta tidak mencecah kolar baju. Graduan yang berambut panjang tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvoquesyen. Graduan dilarang memakai subang telinga, gelang tangan, warna rambut, pakai sandal atau kasut tidak formal.

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN LELAKI



RAMBUT GRADUAN



KASUT YANG DIBENARKAN

6.5 Pakaian Graduan Wanita

6.5.1 Pakaian graduan wanita ialah

- **baju kurung plain/corak kosong warna bebas serta tudung kosong berwarna putih atau krim.**
- **Kasut formal berwarna gelap dan bertutup (tinggi tumit tidak melebihi 2 inci).**
- Kadar labuh ialah sehingga ke bahagian buku lali. Pakaian itu juga hendaklah berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan, **tidak ketat** dan **tanpa belah** dibahagian kaki. Pakaian daripada kain **jenis jarang** adalah dilarang. Baju tersebut hendaklah bertutup hingga ke pangkal leher di bahagian depan dan belakang. Pakaian berbentuk seluar adalah tidak dibenarkan. Graduan yang tidak mematuhi syarat ini akan dihalang daripada menyertai Majlis Konvokesyen.

6.5.2 Bagi tujuan keselamatan dan tujuan-tujuan yang lain, graduan wanita tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka.

6.5.3 Graduan adalah dikehendaki memakai kasut yang bersih, bertutup serta besesuaian (**kasut sukan tidak dibenarkan**).

PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN WANITA (warna dan corak hendaklah sesuai dengan majlis rasmi untuk sesi fotografi), Digalakkan berwarna cerah.



CONTOH 1



CONTOH 2



CONTOH 3



JENIS KASUT YANG DIBENARKAN

7.0 JUBAH KONVOKESYEN

7.1 Peminjaman dan Pemulangan Jubah

7.1.1 Sila rujuk jadual peminjaman dan pemulangan jubah untuk tindakan graduan:

JADUAL PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVO 2024						
SIDANG	PENGAMBILAN JUBAH		TEMPAT	PEMULANGAN JUBAH		TEMPAT
1	TARIKH	2 September 2024 (Isnin)	PUSAT SUMBER	TARIKH	3 September 2024 (Selasa)	PUSAT SUMBER
	MASA	2.00 petang–4.30 petang		MASA	2.00 ptg- 4.00 ptg	
2	TARIKH	3 September 2024 (Selasa)	PUSAT SUMBER	TARIKH	4 September 2024 (Rabu)	PUSAT SUMBER
	MASA	8.30 pagi–1.00 petang		MASA	2.00 ptg- 4.00 ptg	
3	TARIKH	4 September 2024 (Rabu)	PUSAT SUMBER	TARIKH	5 September 2024 (Khamis)	PUSAT SUMBER
	MASA	8.30 pagi–1.00 petang		MASA	2.00 ptg- 4.00 ptg	

7.1.2 Tidak dibenarkan wakil mengambil jubah bagi pihak graduan tanpa kebenaran Jawatankuasa Jubah Konvokesyen.

7.1.3 Jubah Konvokesyen hendaklah dipulangkan mengikut masa yang telah ditetapkan **selepas** sahaja Majlis Konvokesyen selesai.

7.1.4 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma **ditahan**.

7.1.5 Sila rujuk dan muat turun Borang Maklumat Pinjaman Jubah Konvokesyen ke 2 1 (Diisi oleh graduan dan dikemukakan pada masa mengambil jubah).

8.0 SOAL SELIDIK KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

8.1 Semua graduan diwajibkan untuk menyerahkan dokumen di bawah yang diisi melalui sistem online E-Konvo kepada AJK Kajian Pengesanan Graduan sebelum mengambil jubah konvokesyen:

i) Graduan Bekerja/Melanjutkan Pengajian/Meningkatkan Kemahiran.
Slip Pengesanan Kajian Pengesanan Graduan TVET 2024.

ii) Graduan Belum Bekerja
Borang Maklumat Graduan Belum Bekerja

8.2 Graduan yang tidak menyerahkan dokumen di atas tidak dibenarkan mengambil jubah konvokesyen.

9.0 GAMBAR

9.1 Urusetia konvokesyen PSMZA menyediakan kemudahan mengambil gambar semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung di dalam Dewan PSMZA, graduan, ibu bapa dan tetamu adalah dilarang mengambil gambar.

9.2 Setiap graduan akan dibekalkan dengan satu(1) keping gambar setiap satu : 11R, 8R, 5R dan 'soft copy' imej digital.

9.3 Gambar setiap graduan akan disiapkan dalam tempoh 24 jam setiap sidang dan graduan boleh mendapatkan terus di kaunter yang disediakan.

9.4 Walau bagaimanapun, graduan boleh memilih untuk gambar mereka diposkan ke alamat yang diberikan dengan kadar pos akan dikenakan pada graduan.

9.5 Bagi urusan proses penghantaran gambar graduan dikehendaki mengisi Borang Alamat yang akan dibekalkan semasa peminjaman jubah dan agihan cenderahati graduan sebelum Majlis Konvokesyen berlangsung.

10.0 BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

Graduan adalah diingatkan supaya **TIDAK MEMBAWA MASUK BARANG-BARANG PERSENDIRIAN SEPERTI BEG, KAMERA, TELEFON BIMBIT ATAU SEBAGAINYA KE DALAM DEWAN.**

11.0 KUASA PSMZA, DUNGUN, TERENGGANU

Graduan yang tidak mematuhi syarat yang telah dinyatakan di atas adalah dilarang daripada menyertai Majlis Konvokesyen.

12.0 PENGAMBILAN SIJIL(SKROL) DIPLOMA

- 12.1** Graduan yang hadir ke politeknik pada hari berkenaan boleh mengambil Skrol Diploma masing-masing di kaunter yang disediakan di Pusat Sumber selepas Pengisian Maklumat Pengesanan Graduan.
- 12.2** Makluman untuk pelajar yang tidak hadir, anda boleh memilih samada untuk datang sendiri mengambil Sijil Diploma atau meminta pihak Unit Peperiksaan PSMZA untuk pos dokumen tersebut dengan mengisi pautan pada para 3.3.
- 12.3** Sijil Diploma yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PSMZA. Graduan yang tidak dapat hadir konvokesyen digalakkan untuk mengambil/menuntut skrol/sijil diploma dengan kadar yang segera untuk mengelakkan risiko kerosakan/keusangan/kehilangan dokumen tersebut.

13.0 PERSATUAN ALUMNI PSMZA

- 13.1** Persatuan ini ditubuhkan bagi membentuk jaringan perhubungan di antara Alumni PSMZA bersama PSMZA dari segi pembangunan, kerjaya, pengalaman dan infrastruktur politeknik.
- 13.2** Peranan Persatuan Alumni Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin :
 - 13.2.1 Bekerjasama dengan Unit Kajian Pengesanan Pelajar Politeknik KPT dalam mengesan perkembangan status dan kerjaya graduan PSMZA.
 - 13.2.2 Membangunkan pangkalan data alumni.
 - 13.2.3 Menggembeling kepakaran Alumni PSMZA dalam melahirkan graduan berkualiti serta berdaya saing dari segi pembelajaran dan kerjaya.
 - 13.2.4 Platform pertemuan di antara graduan PSMZA
 - 13.2.5 Mempromosikan graduan PSMZA melalui rangkaian hubungan dengan industri.
 - 13.2.6 Menyalurkan maklumat mengenai graduan PSMZA kepada agensi luar.
 - 13.2.7 Mewujudkan jalinan bestari di antara Alumni PSMZA dan Politeknik KPT bagi membantu graduan dalam pemajuan kecemerlangan akademik dan kerjaya.
 - 13.2.8 Menyediakan berita-berita aktiviti persatuan Alumni.
- 13.3** Graduan PSMZA adalah secara automatik menjadi ahli Persatuan Alumni Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PAPSMZA).

14.0 PENAHANAN DIPLOMA

Graduan yang masih berhutang dengan pihak Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun Terengganu atau belum memulangkan buku perpustakaan atau barang-barang lain yang dipinjam dari PSMZA, diingatkan supaya menyelesaikan urusan dengan pihak berkenaan dengan segera. Sekiranya bayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa resit bayaran/bukti serahan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Diploma akan ditahan.

15.0 PENGINAPAN

Bagi tujuan penginapan saudara/saudari bolehlah berhubung dengan pihak hotel untuk tujuan tersebut. Di antara tempat penginapan yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

BIL.	HOTEL / PENGINAPAN
1	Bauk inn ,Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,23000 Dungun Tel: 09-8400834
2	Hotel Uitm ,Sura Hujung, 23000 Dungun,09-8481700 & 09-8481701 & 09-8481707
3	Hotel Qamar Paka ,Tel: 09-8273366 & 09-8273388 @ 09-8273641
4	Rumbia Resort Villa ,Lot 3573Mukim Kuala Paka,23100 Dungun Tel: 09-8272020
5	Awana Kijal, Golf Beach ,Km28, Jln Kemaman Dungun, 24100 Kijal Tel: 09-8641188
6	Fbs Inn Dungun , Jln Pantai Sura. Tel : 0179911969
7	Ulek Beach Resort Jln Pantai, Sura Hujung, 23000 Dungun Tel: 09-8481100
8	Damai Pantai Homestay Jln Pantai,23000 Dungun Tel: 09-8457292
9	Merantau Inn Kuala abang, 23000 Dungun Tel: 09-8441131
10	Kerteh Inn Bangunan MPK Kerteh, Jln Besar Kerteh <u>Tel:09-8266627</u>
11	Eazira Homestay kg. Sura Hujung, 23000 Dungun <u>Tel:019-9347924</u>
12	Hotel NDE , Taman Sura Melati. Tel : 098442669
13	Hotel Sura 263 E & F Tingkat Satu, Jln Baru Tel: 09-8481716 & 09-8481717
14	Dahimah Guest House 166, Rantau Abang, 23050 Dungun Tel: 09-8452843
15	Sri Gate Hotel K-201 Jln Sura Gate Tel: 09-8481704
16	Awang Beach Resort 85 Rantau Abang, 23050 Dungun Tel: 09-8443500
17	Six Villa Inn PT 6445-6450 Six Villa, Jln Paka, Dungun Tel: 09-8274398 / 09-8274399
18	Dalyla Inn Hotel , Jalan Besar. Tel :098270855
19	Ros Homestay Kg Sura Hujung, Dungun. 019-9388786
20	Ismail Beach Resort Rantau Abang, 23050 Dungun Tel: 09-8441054
21	Homestay Desa Haji Idris Jalan Paka, 23000 Dungun Tel:09-8443717
22	Kertih Damansara Inn , 23000 Dungun Tel : 09-8262699
23	Tanjong Jara Resort , 23000 Dungun. Tel : 09-8451100
24	Semarak Beach Inn , 23000 Dungun. Tel : 018-9011193
25	Anggun Beach Guest , 23000 Dungun. Tel : 018-9011193
26	Sura Inn Jalan Lapangan terbang , 23000 Dungun Tel:013-2598832
27	Wan Beach Guesthouse , Jln Sekolah Sura 23000 Dungun Tel : 0199833355
28	Promenade Homestay , Jalan Pantai Sura 23000 Dungun. Tel : 0189011193
29	Pen U Cottage , Komplek perniagaan sura 23000 Dungun. Tel : 098458333
30	Teluk Lipat Seaview Inn , Jln pantai sura 23000 Dungun. Tel : 098443030

16. HAL-HAL LAIN

16.1 SILA CETAK BUKU PANDUAN ini dan bawa bersama semasa menghadiri raptai dan upacara Konvokesyen.

16.2 Sebarang kemusykilan mengenai Majlis Konvokesyen ini sila hubungi Jawatankuasa berkenaan . Sila rujuk senarai yang diberikan dibawah:

BIL.	JAWATANKUASA KONVOKESYENKE-21 PSMZA	NAMA	NO. TEL
1.	J/K E-KONVO	EN. KAMALUL HAYAT BIN RAMAN	09-8400873
2.	J/K PENDAFTARAN	PN. NURU MAZLIA BINTI MUSA	09-8400863
3.	J/K GAMBAR KONVOKESYEN	PN. SARINAH BT ABDULLAH	09-8403045
4.	J/K PENYAMPAIAN DIPLOMA	PN. DULIANA BT DAUD	09-8400824
5.	J/K JUBAH KONVOKESYEN	EN. MUHD HASANUL ISYRAF BIN MAT JUNOH	09-8400800
6.	J/K SOAL SELIDIK IWLUSAN	EN. MOHD ZAHIR BIN ABD KADIR	09-8400987
7.	J/K ALUMNI	EN. MOHD MARAMUZAFAR BIN MOHAMAD	0139240274